



**GARIS  
PANDUAN**

# **ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN**

BAGI KAKITANGAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI



[www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my)

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sering berurusan dengan pelbagai kumpulan pelanggan dan agensi dalam melaksanakan tugas harian. Oleh yang demikian, sebagai penjawat awam perlu menjaga penampilan diri semasa bertugas dengan berpakaian selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Pemakaian melambangkan keperibadian serta nilai-nilai etika kerja yang murni.

Keterampilan diri melibatkan formula ABC iaitu *Appearance* (Penampilan), *Behaviour* (Kelakuan) dan *Communication* (Komunikasi). Pemilihan pakaian dan penampilan memperkenalkan gaya personaliti diri dan gaya pemikiran seseorang. Cara berpakaian juga mampu mendatangkan rasa pengaruh dan hormat orang lain dan mampu menunjukkan profesionalisme, kemampuan dan nilai-nilai positif seseorang.

Pemilihan pakaian perlu kemas dan selesa serta bersesuaian agar tidak membataskan pergerakan dalam melaksanakan tugas harian dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif. Pakaian untuk ke pejabat tidak semestinya mahal dan memerlukan kos yang tinggi.

Saya berharap Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Kakitangan MBSP dapat dijadikan rujukan dan panduan seterusnya dapat memantapkan lagi kualiti perkhidmatan MBSP dalam memastikan MBSP menjadi sebuah PBT yang unggul dan berprestij.

## KATA ALUAN DATUK BANDAR



**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR**



# KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>TUJUAN</b>	03
<b>PANDUAN PAKAIAN DAN PENAMPILAN BEKERJA</b>	04
<b>PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN</b>	18
<b>PEMATUHAN ARAHAN</b>	19
<b>RUJUKAN</b>	20

# TUJUAN

- Garis panduan ini diterbitkan bagi menjelaskan etika dan tatacara berpakaian secara terperinci dan penampilan kepada kakitangan untuk mewujudkan keseragaman di MBSP.
- Penampilan profesional ketika bertugas rasmi di dalam atau luar pejabat akan turut memberikan persepsi positif umum kepada t a h a p p e n y a m p a i a n perkhidmatan dan imej jabatan. Pemakaian dan penampilan yang kemas juga akan turut mempengaruhi tahap sahsiah dan moral dalam menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan.
- MBSP amat mementingkan pengurusan dan pentadbiran yang unggul dan berprestij. Seiring dengan slogan Kerajaan Negeri Pulau Pinang " Cekap, Akauntabiliti, Telus", usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran untuk kakitangan MBSP terus dipertingkatkan lagi melalui penetapan garis panduan etika berpakaian dan penampilan bagi kakitangan MBSP ini.

- Panduan ini adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan hendaklah digunakan bersama-sama dengan pekeliling dan surat-surat pekeliling seperti berikut :
  - i. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam)
  - ii. Pakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian adalah ditekankan untuk dijadikan amalan kepada penjawat awam berdasarkan perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan dan Tatatertib) 1995
  - iii. Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi)
  - iv. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis) dan
  - v. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 tahun 2013 - Pemakaian 'Two/Three - Piece Pant Suit' bagi pegawai awam wanita semasa bekerja
  - vi. Pekeliling Setiausaha Perbandaran Bil.1/2017 (Pematuhan Etika Berpakaian ke Pejabat oleh Kakitangan MPSP kuatkuasa 3 Februari 2017)

# PANDUAN PAKAIAN DAN PENAMPILAN BEKERJA

Cara berpakaian memainkan peranan penting bagi setiap kakitangan MBSP kerana ia menggambarkan imej korporat yang ingin ditampilkan. Dari penampilan dan gaya yang dipamerkan, seseorang boleh dinilai dari segi

- i. Imej
- ii. Kedudukan ekonominya
- iii. Tahap/Latar belakang pendidikan
- iv. Tahap Kedudukan Sosial
- v. Kejayaannya
- vi. Moral
- vii. Kehebatannya
- viii. Personalitinya



Panduan pemakaian ini akan diperincikan kepada etika berpakaian bagi kakitangan MBSP.



## LOUNGE SUIT LELAKI

- Gabungan *2-piece suit* atau *3-piece suit* yang menggunakan warna, corak dan bahan yang sama terdiri daripada:-
  - Kot
  - Seluar panjang
- Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis kain
- Warna suit digalakkan warna gelap
- Suit perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher



- Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul segi tiga dan tidak dibenarkan memakai *bow tie*;
- Jika memakai *lounge suit*, *tie pin* adalah searas dengan siku baju
- Tanda nama perlu dipakai di sebelah kiri
- Kasut dan stoking berwarna gelap

# LOUNGE SUIT WANITA



- Gabungan 2-piece suit atau 3-piece suit yang menggunakan warna, corak dan bahan yang sama terdiri daripada:-
  - Kot
  - Skirt Labuh / paras lutut
  - Seluar panjang
- Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis kain
- Warna suit digalakkan warna gelap
- Pemakaian tudung dengan warna yang bersesuaian ketika bekerja
- Solekan yang sederhana
- Tanda nama perlu dipakai di sebelah kiri dan
- Kasut gelap dan padanan stoking mengikut warna yang bersesuaian



## KEMEJA LELAKI / SELUAR

- Berpenampilan kemeja dan seluar yang tidak memakai lounge suit adalah pakaian rasmi sewaktu di pejabat. Hendaklah teliti memilih dan sesuaikan dengan bentuk badan dan warna kulit. Elakkan dari memakai jenis kain yang berkilat dan terlalu jarang dan warna-warna garang kerana tidak begitu sesuai dengan lelaki
- Kemeja yang dipilih hendaklah selesa apabila dipakai. Digalakkan warna pastel, tidak terlalu ketat dan tidak terlalu besar
- Kemeja harus dipadankan dengan seluar slack serta tali pinggang berwarna gelap
- Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul segi tiga dan tidak dibenarkan memakai *bow tie* dan
- Sekiranya memakai tie pin, paras tie pin di bahagian tengah saku baju.



# KEMEJA WANITA / SKIRT / SELUAR



- Berpenampilan selain daripada pakaian *lounge suit* bagi wanita adalah kemeja paras punggung dan skirt labuh / paras lutut atau boleh dipadankan dengan seluar *slack* berwarna gelap
- Bagi wanita yang berambut panjang perlu kemas dan rapi
- Skirt/seluар mestilah sepadan dari segi warna dan jenis kain (warna gelap)
- Kemeja dipadankan dengan skaf/tudung yang bersesuaian
- Kasut bertutup dan stoking bersesuaian (sekiranya berstoking)



## BAJU BATIK MALAYSIA

- Baju Batik Malaysia yang berlengan panjang harus dipakai oleh penjawat awam pada setiap hari Khamis seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008
- Tanda nama perlu dipakai di sebelah kiri
- Kasut gelap dan padanan stoking mengikut warna yang bersesuaian
- Pemakaian baju batik bagi lelaki harus dipadankan dengan seluar *slack* berwarna gelap
- Pemakaian baju batik bagi perempuan harus dipadankan dengan tudung yang bersesuaian
- Batik yang dipakai hendaklah bercirikan Batik Malaysia. Selain daripada itu tidak dibenarkan
- Baju batik berlengan pendek tidak dibenarkan



# BAJU KORPORAT

- Penyeragaman pemakaian baju korporat yang telah dibekalkan oleh MBSP / Baju Korporat Jabatan
- Bagi lelaki berpenampilan kemas dan berseluar *slack* gelap
- Baju korporat bagi wanita berpenampilan kemas dan berseluar *slack/skirt* hendaklah dipadankan dengan tudung yang bersesuaian dan
- Dipadankan dengan kasut gelap bertutup dan stoking yang bersesuaian



## PAKAIAN KEBANGSAAN - LELAKI



- Pemakaian Baju Kebangsaan bagi lelaki adalah Baju Melayu lengkap bersampin, bersongkok hitam dan butang dikenakan secara lengkap
- Digalakkan memakai Baju Melayu pada hari Jumaat

- Tanda nama perlu dipakai di sebelah kiri
- Pemakaian sampin yang bersesuaian dengan warna baju
- Dilarang memakai Baju Melayu tidak lengkap (tidak bersongkok / seluar berlainan jenis warna / tidak bersampin)
- Tidak dibenarkan memakai Baju Kurta dan *Slack* ke Pejabat



# PAKAIAN KEBANGSAAN – WANITA



- Pemakaian Baju Kebangsaan bagi wanita adalah termasuk Baju Kurung / Kebaya / Kebarung, Cheongsam, Sut Punjabi dan Sari
- Baju Kurung / Kebaya / Kebarung hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak terlalu ketat) dan tidak terlalu jarang
- Bagi yang wanita yang bertudung, digalakkan memilih tudung yang sepadan dengan warna baju
- Cheongsam haruslah berlengan panjang dan labuh dan
- Sari dan Cheongsam perlu dipakai mengikut keselesaan dan bersesuaian.



## TIPS TAMBAHAN – PAKAIAN YANG DIBENARKAN



# PAKAIAN SERAGAM KAKITANGAN MBSP

Pakaian seragam wajib dipakai sepanjang menjalankan tugas bagi kakitangan MBSP yang dibekalkan pakaian seragam.

## Direktorat Penguatkuasaan



Bahagian Keselamatan dan  
Komuniti



### Pembantu Penguatkuasaan dan Belip



Jabatan Pelesenan



Jabatan Perkhidmatan  
Perbandaran



Jabatan Perkhidmatan  
Kesihatan



Jabatan  
Perbendaharaan

**Pemandu**



**Pembantu Operasi**



**Pembantu Awam**



# PAKAIAN KHAS KERJA-KERJA 3D

*(Dirty, Danger dan Difficult)*



# PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN

## LELAKI

- Berpakaian menjolok mata (jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat)
- Memakai *t-shirt*, seluar pendek atau *jeans* pada waktu pejabat
- Memakai tali leher jika baju berlengan pendek
- Memakai Baju Melayu yang tidak lengkap pada hari Jumaat (tanpa songkok dan sampin atau memakai kain pelekat)
- M e m a k a i b a j u y a n g melambangkan parti politik atau syarikat perniagaan
- Memakai selipar, kasut getah dan sandal atau kasut sukan
- Melipat lengan baju bagi kemeja berlengan panjang
- Baju Batik berlengan pendek tidak dibenarkan
- Memakai baju kurta dan *slack*

## WANITA

- Berpakaian menjolok mata (jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat)
- Memakai *t-shirt*, seluar pendek atau jeans pada waktu pejabat
- Memakai selipar, kasut getah dan sandal atau kasut sukan
- Memakai barang perhiasan yang berlebihan
- Berpakaian seperti menghadiri pesta, tempat perkelahan atau pusat membeli-belah
- Memakai *skirt* pendek (atas paras lutut)
- Memakai *blouse* dan seluar *slacks* kecuali uniform

## PEMATUHAN ARAHAN

Adalah menjadi tanggungjawab semua kakitangan MBSP supaya sentiasa mematuhi peraturan yang telah dikeluarkan dalam usaha untuk peningkatan imej di MBSP.


Kakitangan MBSP hendaklah memberi perhatian serius terhadap etika pemakaian dan penampilan kakitangan MBSP kerana kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan dan Tatatertib) 1995.



# RUJUKAN

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasma Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam)
- ii. Pakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian adalah ditekankan untuk dijadikan amalan kepada penjawat awam berdasarkan perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan dan Tatatertib) 1995
- iii. Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi)
- iv. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis); dan
- v. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 tahun 2013 - Pemakaian '*Two/Three - Piece Pant Suit*' bagi pegawai awam wanita semasa bekerja
- vi. Pekeliling Setiausaha Perbandaran Bil.1/2017 (Pematuhan Etika Berpakaian ke Pejabat oleh Kakitangan MPSP kuatkuasa 3 Februari 2017)
- vii. Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Penjawat Awam Bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (kemaskini sehingga Mac 2020)





## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

---



Menara Bandaraya  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang



04 - 549 7555



04 - 538 9700



[www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my)